

ANALISIS KAJIAN SAKTAH DALAM KALANGAN ILMUAN: SATU TINJAUAN LITERATUR

Muhammad Hatta bin Shafri (PPT, KUIS)

hatta@kuis.edu.my

Mahfuz bin Suhaimi (FPPI, KUIS)

mahfuzsuhaimi@kuis.edu.my

Muhammad Aizat Syimir bin Rozani (FPPI, KUIS)

aizatsyimir@kuis.edu.my

ABSTRAK

Ilmu al-Qiraat merupakan salah satu daripada cabang Ulum Al-Quran. Ia merupakan ilmu yang membincangkan berkenaan kaedah menyebut kalimah-kalimah dalam Al-Quran disamping menjelaskan perbandingan bacaan antara imam-imam qiraat. Antara topik yang disentuh dalam ilmu ini adalah Saktah. Ia telah dikupas oleh ulama terdahulu dan ulama kontemporari dalam nukilan mereka. Namun, kajian berkenaan Saktah ini masih belum mendapat perhatian yang meluas dalam kalangan para ilmunan. Oleh itu, kajian ini bertujuan (1) Mengkaji tema pengkaji lepas berkaitan Saktah. (2) Mengenalpasti isu yang boleh dijadikan kajian baru pada masa akan datang. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan reka bentuk tinjauan literatur. Pemerolehan data dilakukan secara kandungan yang terdiri daripada tesis, disertasi, buku, jurnal, kertas kerja, seminar prosiding dan laman sesawang. Data-data ini pula dianalisis secara tematik. Antara elemen yang dikaji berkenaan Saktah ialah definisi Saktah, syarat-syarat Saktah, jenis-jenis dan tempat Saktah berdasarkan imam-imam qiraat dan analisis daripada sudut bahasa arab serta tafsirannya.

Kata kunci: *Saktah, Ilmu al-Qiraat, Ulum al-Quran, Tajwid.*

PENGENALAN

Ulum al-Quran merupakan ilmu yang merangkumi perbincangan-perbincangan berkenaan al-Quran seperti perbincangan mengenai wahyu, penurunan dan penyusunan al-Quran serta isu-isu lain yang berkait rapat dengan al-Quran al-Karim. Salah satu cabang Ulum al-Quran yang penting adalah Ilmu al-Qiraat. Ia merupakan ilmu yang membincangkan berkenaan kaedah menyebut kalimah-kalimah di dalam al-Quran, berserta cara perlaksanaannya yang disepakati atau tidak dan disandarkan kepada perawi bacaan tersebut.¹

¹ Al-Budur al-Zahirah: ms 7

Saktah merupakan salah satu daripada topik perbincangan Ilmu al-Qiraat. Ia merupakan perkataan bahasa arab yang berasal daripada kata dasar س - ك - ت. Dari segi bahasa ia bermaksud diam dan tidak berbicara². Manakala dari segi istilah Ilmu Tajwid pula, ia bermaksud memutuskan suara seketika tanpa bernafas namun tidak seperti tempoh berhenti ketika bacaan waqaf³.

Saktah turut dikenali dengan nama-nama lain seperti saktah yasirah, saktah qasirah, mukhtalishah min ghair isyba', waqfah yasirah, waqfah khafifah, wuqafifah, saktah latifah dan saktah khafifah.⁴

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan reka bentuk tinjauan literatur.

PERSOALAN KAJIAN

1. Apakah tema pengkaji lepas berkaitan Saktah?
2. Apakah isu yang boleh dijadikan kajian baru pada masa akan datang?

OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengkaji tema pengkaji lepas berkaitan Saktah.
2. Mengenalpasti isu yang boleh dijadikan kajian baru pada masa akan datang.

ANALISIS TEMATIK TINJAUAN LITERATUR

Perbincangan berkenaan saktah oleh para ilmuwan dalam pelbagai hasil karya penulisan mereka telah merumuskan bahawa terdapat lima syarat saktah, iaitu :

- 1) Huruf yang dibaca saktah adalah huruf yang mati (tidak berharis).⁵
- 2) Saktah berlaku pada bacaan yang bersambung.⁶
- 3) Sepertimana al-iskan, al-rawm, al-ishmam, dan al-ibdal berlaku pada waqaf, ia juga berlaku pada saktah.⁷
- 4) Sebahagian jenis saktah hanya berlaku pada akhir perkataan sahaja.⁸
- 5) Bacaan dengan saktah perlulah bersandarkan kepada riwayat yang sahih.⁹

² Tahzib al-Lughah: jil 10 / ms 29, Mu'jam Maqayis al-Lughah: jil 3 / ms 89, Lisan al-'Arab: jil 2 / ms 43, Mu'jam 'arabi asasi: ms 630

³ Al-Nasyr: jil 1 / ms 240

⁴ Al-Nasyr: jil 1 / ms 240 - 241

⁵ Al-Nasyr : jil1/ ms 419.

⁶ Kanzu al-Ma'ani: jil 2/ ms185.

⁷ Kanzu al-Ma'ani: jil 2/ ms185.

⁸ Al-Budur al-zaahirah : ms20, Hidayah al-qaarii : jil 1, ms 409.

⁹ Al-Nashr : jil 1/ms243.

Selain itu, pembacaan dalam pelbagai hasil karya mereka juga mendapati tujuh jenis saktah, iaitu :

- 1) Saktah antara dua surah secara am (selain Surah al-Anfal fan Surah al-Taubah).

Ulama Qiraat seperti Imam Warsh, Imam Abu Amr, Imam Ibn Amir, Imam Ya'qub (salah satu daripada tiga wajahnya) dan Imam Khalaf al-Asyir (pada salah satu daripada dua wajahnya) membaca dengan saktah di antara dua surah secara umumnya.¹⁰

- 2) Saktah di antara Surah al-Anfal dan Surah al-Taubah secara khusus.

Semua imam Qiraat Sepuluh bersepakat untuk membaca saktah di antara Surah al-Anfal dan Surah al-Taubah di dalam salah satu wajah bacaan mereka.¹¹

- 3) Saktah pada al-Arba' al-Zuhr.

al-Arba' al-Zuhr merupakan empat tempat yang disaktahkan oleh Ulama Qiraat seperti Imam Warsh, Imam Abu Amr, Imam Ibn Amir dan Imam Hamzah pada tempat-tempat berikut:

- a) Surah al-Muddathir – Surah al-Qiamah
- b) Surah Al-Infithar – Surah al-Muthaffifin
- c) Surah al-Fajr – Surah al-Balad
- d) Surah al-Asr – al Humazah

- 4) Saktah pada kepala ayat.

Imam Ibn al-Jazari mengatakan bahawasanya boleh untuk membaca dengan saktah pada kepala ayat secara mutlak demi menjelaskan lagi maksud ayat.¹²

- 5) Saktah pada huruf yang mati sebelum huruf Hamzah.

Pada asalnya hamzah perlu dibaca dengan *tahqiq* iaitu dibaca dengan bacaanya yang sebenar.¹³ Namun terdapat bacaan yang membaca huruf hamzah dengan saktah pada huruf yang mati sebelumnya. Ia bertujuan untuk menjelaskan lagi sifat huruf hamzah dan mengelakkan berlaku kesamaran pada bacaan huruf hamzah.

- 6) Saktah pada huruf hijaiyyah pada permulaan surah.

¹⁰ Al-Nasyr: jil 1 / ms 259, Tahbir al-Taisir : ms 184, Al-Budur al-Zahirah: ms 14

¹¹ Al-Nasyr: jil 1 / ms 269, Al-Budur al-Zahirah: ms 14, al-Hadi, Jil 1, ms 125

¹² Al-Nasyr: jil 1 / ms 243,

¹³ Al-Hamzah baina al-Tahqiq wa al-Tashil, Ibrahim Muhammad Abou al-Yazid Khafajah

Imam Abu Jaafar membaca saktah pada setiap huruf hijaiyyah di permulaan surah.¹⁴

7) Saktah pada kalimah-kalimah khusus.

Bahagian ini mempunyai tiga pecahan, iaitu :

- a) Empat saktah khusus bagi Hafs:
 - Surah al-Kahfi: ayat 1 (عوجا)
 - Surah Yasin: ayat 52 (مرفقدنا)
 - Surah al-Qiamah: ayat 27 (من راق)
 - Surah al-Muthaffifin: ayat 14 (بل ران)
- b) Saktah pada Surah al-Haqqah: ayat 28 (ماليه هلك)
- c) Saktah pada Surah al-Talaq: ayat 4 (والثي يئسن)

Kajian juga mendapati bahawa perihal saktah dibahaskan dalam tiga disiplin ilmu iaitu: Ilmu tafsir, ilmu qiraat dan ilmu bahasa Arab.

1) Ilmu Tafsir

Kajian berkenaan saktah telah disebut secara ringkas oleh ibn ‘Atiyyah al-Andalusi di dalam tafsirnya al-Muharrar al-Wajiz fi tafsir al-Kitab al-Aziz lewat kurun ke-6. Beliau hanya menerangkan tentang cara bacaan saktah oleh imam Hafs. Kemudian, Abu al-Abbas Al-Samiin Al-Halabiy pula telah membahaskan perihal saktah oleh imam Hafs dalam tafsirnya Al-Darr Al-Masuun dengan lebih terperinci pada kurun ke-8. Beliau telah menerangkan sebab berlaku bacaan saktah pada tempat-tempat tertentu. Manakala para penafsir lain selepasnya seperti Al-Naisabuuri, Al-Sa’alibiy dan Al-Aaluusi dan lain-lain lagi hanya sekadar mengulang penerangan yang sama atau hampir sama dengannya.

2) Ilmu Qiraat

Sejarah Ilmu al-Qiraat telah mencatatkan bahawa Ibnu Mujahid al-Baghdadi (324 h) yang merupakan pengasas pembahagian qiraat kepada tujuh bahagian ada menyentuh berkenaan saktah di dalam kitab beliau iaitu al-Sab’ah fi al-Qiraat. Walaubagaimanapun, beliau hanya menyentuh dua daripada empat tempat yang perlu dibaca saktah tanpa huraian yang terperinci. Manakala, Abu Ali al-Hasan bin al-Ghaffar al-Farisi (987 h) di dalam kitabnya al-Hujjah Li al-Qurra’ al-Sab’ah A’immah al-Amsar juga hanya menyentuh dua daripada empat tempat yang perlu dibaca saktah namun menggunakan istilah yang berbeza iaitu kata kerja (يقف) dan (يبئدأ) dalam menerangkan tentang saktah pada surah al-Mutaffifin dan al-Qiamah.¹⁵ Namun begitu, Ibn al-Jazari di dalam kitabnya al-Nasyr fi al-Qira’at al-Asyr menerangkan tentang saktah dengan lebih terperinci (833 h) di banyak bab antaranya di dalam bab al-Waqf ‘ala al-Hamz, bab al-sakt ala al-Sakin

¹⁴ Al-NAshr jil 1, ms 424-425, tahlir al taysirms282,ithaf fudhala’ al-basyar ms88

¹⁵ Al-Hujjah Li al-Qurra’ al-Sab’ah A’immah al-Amsar juga, jil 6, ms 346 dan 385.

Qabla al-Hamz wa Ghairih, Tanbihat fi Bayan ma Yajuz ma'a al-Sakt wa ma Yamtani' dan banyak lagi.¹⁶

3) Ilmu bahasa Arab

Ilmu bahasa Arab dan ilmu qiraat mempunyai hubungkait yang kuat di mana perubahan atau perbezaan cara bacaan sesuatu perkataan atau ayat boleh membawa kepada perubahan makna atau tafsiran sesuatu ayat. Perbezaan cara bacaan oleh para imam qiraat adalah disebabkan oleh perihal yang berkaitan dengan bahasa Arab itu sendiri sama ada pada peringkat fonetik atau fonologi (علم الأصوات), peringkat morfologi (علم الصرف), peringkat sintaksis (علم النحو) mahupun peringkat semantik (علم الدلالة).

Namun, topik berhubung saktah tidak banyak dikupas oleh para ilmuwan bahasa Arab klasik mahupun kontemporari. Antara perkara yang dibahaskan adalah¹⁷ :

- a) Istilah berkaitan saktah oleh para ilmuwan fonologi moden antaranya waqfah atau mafsil (juncture) dan intiqal (transition).
- b) Penerangan saktah pada perkataan dari sudut sintaksis bahasa Arab dan hubungannya dengan semantik bahasa Arab. Contohnya, saktah pada perkataan عَوْجًا untuk mengelakkan kekeliruan makna apabila dibaca sambung dengan perkataan selepasnya iaitu قَيْمًا. Sekiranya disambung akan menyebabkan perkataan قَيْمًا berfungsi sebagai sifat atau na'at bagi عَوْجًا. Maka ia akan menyebabkan perubahan makna dan tidak selari dengan konteks ayat al-Quran.
- c) Penerangan saktah pada perkataan dari sudut morfologi bahasa Arab dan hubungannya dengan semantik. Contohnya saktah pada perkataan من untuk mengelakkan kekeliruan antara من راق dan مَرَّاق di mana perkataan مَرَّاق merupakan sighth mubalghah. Justeru ia akan menyebabkan perubahan makna dan tidak selari dengan konteks ayat al-Quran.

KESIMPULAN

Dengan adanya kajian seperti ini, maka dapatlah kita simpulkan bahawa Ulum al-Quran khususnya Ilmu al-Qiraat dan Tajwid bukanlah satu ilmu yang tepu dan tidak boleh berkembang. Oleh itu, kajian ini diharap dapat memberikan sumbangan dari sudut

¹⁶ al-Nasyr fi al-Qira'at al-Asyr, ms 419, 422, 426.

¹⁷ Al-Sakt fi Al-Dars Al-Sawtiy Al-Arabi, Iyyad Salim Al-Samira'I, majallah al-ulum al-islamiyyah, bilangan ke-3 1430.

pendedahan terhadap perkembangan diskusi agama berkenaan isu saktah yang kurang mendapat perhatian masyarakat. Kajian ini juga menjelaskan keperluan untuk melakukan integrasi dan pengharmonian di antara ilmu-ilmu syariah demi membuah hasil yang matang dan menzahirkan nilai-nilai agama yang relevan sepanjang zaman.

RUJUKAN

البدور الزاهرة في القراءات العشر المتواترة من طريقي الشاطبية والدري - عبد الفتاح القاضي، دار الكتاب العربي.

تهذيب اللغة ، محمد بن أحمد بن الأزهر الهروي، دار إحياء التراث العربي - بيروت.

الحجة في القراءات السبع، الحسين بن أحمد بن خالويه، دار الشروق - بيروت.

السكت في الدرس الصوتي العربي، م.م. إياد سالم السامرائي، جملة العلوم الإسلامية العدد الثالث شعبان 1430هـ.

معجم مقاييس اللغة، أحمد بن فارس بن زكرياء القزويني الرازي، دار الفكر.

لسان العرب - محمد بن مكرم بن علي، أبو الفضل، جمال الدين ابن منظور الأنصاري الرويفعي الإفريقي، دار صادر - بيروت.

النشر في القراءات العشر، شمس الدين أبو الخير ابن الجزري، محمد بن محمد بن يوسف، المطبعة التجارية الكبرى.

كنز المعاني في شرح حرز الأماني، محمد بن أحمد بن محمد شعله شمس الدين أبو عبد الله، مطبعة المصحف الشريف، دمشق.